

31 OCT 1997

G15-Menteri

MENTERI LUAR BERMESYUARAT UNTUK PERSEDIAAN BAGI G15

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Menteri luar negara-negara anggota G15 akan bermesyuarat di sini esok sebagai persediaan bagi sidang kemuncak para pemimpin mereka ekoran gesaan Malaysia supaya ada ketelusan dalam perdagangan mata wang dan kesan global akibat manipulasi pasaran saham.

Isu itu walaupun bersifat ekonomi dijangka dibincangkan dalam mesyuarat itu meskipun menteri ekonomi mereka yang mengadakan mesyuarat sulung sebelum sidang kemuncak hari ini telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai perkara itu.

Para pegawai Malaysia berkata isu itu sangat penting bukan hanya kepada Malaysia, yang dengan lantang menentang perbuatan manipulasi mata wang dan pasaran saham dalam forum antarabangsa baru-baru ini, tetapi juga kepada seluruh dunia.

Berikutan Bursa Saham New York mengalami kejatuhan paling teruk sejak kejatuhan 1987, ia menunjukkan negara-negara maju juga tidak sepi daripada masalah itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan merasmikan sidang kemuncak itu Isnin ini sebelum ini berkata bahawa Malaysia akan terus menggunakan forum antarabangsa untuk menerangkan kesan negatif akibat spekulasi dan manipulasi mata wang yang keterlaluan terharap ekonomi dunia.

Negara-negara anggota mungkin ingin melihat kepada Mexico, yang melalui kesan penurunan nilai peso mereka pada 1994, untuk berkongsi pengalaman dalam menangani krisis mata wang.

Selain Malaysia dan Mexico, G15 turut dianggotai Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe.

Kenya akan diterima dengan rasmi sebagai anggota ke-16 dalam sidang kemuncak itu yang dianjurkan buat kali kedua oleh Malaysia sejak penubuhan kumpulan itu pada 1989. Kuala Lumpur menganjurkan sidang kemuncak pertama pada 1990 tetapi ada kemungkinan kekerapan sidang tahunan itu dikaji semula oleh para pemimpin itu.

Para menteri itu akan membincangkan draf pernyataan bersama yang dijangka merangkumi kesemua isu penting membabitkan negara-negara membangun.

Ini termasuk kesan globalisasi ke atas negara-negara membangun dan bagaimana mereka boleh bekerjasama dalam menangani cabaran yang semakin sengit.

Dr Mahathir semalam berkata globalisasi tidak akan membawa makna jika undang-undang sedia ada hanya menguntungkan sesetengah negara.

-- BERNAMA

AZZ AKD